



## DATA TERBUKA UNTUK KESEJAHTERAAN RAKYAT

---

**Putrajaya, 30 Januari 2018** - Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah menyokong usaha yang dijalankan oleh Asia Online Publishing Group (AOPG) dalam penganjuran program *Big Open Wrangle* (BOW). Program BOW merupakan satu pertandingan ciptaan inovasi berasaskan Data Terbuka secara dalam talian, yang telah bermula pada 5 Oktober 2017 sehingga 4 April 2018.

Negara telah mengambil inisiatif bagi memanfaatkan Data Terbuka untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi digital. Kerajaan telah berkongsi data yang boleh diakses oleh semua pihak dan berharap rakyat akan menggunakan kreativiti, kemahiran dan imaginasi mereka bagi tujuan penciptaan produk-produk untuk kemudahan dan kesejahteraan rakyat.

Pihak AOPG telah mempromosikan program ini melalui portal [www.bigcommunity.net](http://www.bigcommunity.net) dengan harapan dapat menarik minat semua pelanggan portal tersebut dan orang ramai untuk turut serta dalam program ini.

Inisiatif ini turut disokong oleh NetApp Malaysia, Cloudera dan TechData dengan menyediakan kepakaran dan sumber untuk membantu peserta BOW melaksanakan idea mereka bagi memanfaatkan Data Terbuka yang sedia ada.

"MAMPU sentiasa memperhebatkan aktiviti promosi perkongsian portal Data Terbuka di portal [www.data.gov.my](http://www.data.gov.my) kepada semua golongan pengguna. Kerajaan berharap perkongsian data ini boleh digunakan oleh agensi kerajaan, swasta dan orang ramai. Pelbagai aplikasi dapat dihasilkan dengan penggunaan data tersebut dan diharap aktiviti ekonomi akan dapat terus berkembang melaluinya," kata YBrs. Dr. Suhazimah Binti Dzazali, Timbalan Ketua Pengarah (ICT) MAMPU.

Cik Melina Hwang, Pengurus Besar AOPG, penerbit Portal *Big Community* memberitahu, "Setakat ini seramai 120 orang peserta telah mendaftar untuk menyertai program ini. Penganjur berkeyakinan program ini akan dapat menghasilkan penggunaan Data Terbuka yang lebih efektif kepada negara".

Tambah YBrs. Dr. Suhazimah, "Kerajaan melihat Data Terbuka di peringkat global telah digunakan oleh pihak komuniti luar bandar bagi memperoleh perkhidmatan perubatan yang lebih murah dan memperbaiki sistem perkhidmatan pengangkutan awam. Matlamat kerajaan adalah untuk memanfaatkan kreativiti pakar tempatan dan memberi ruang dan peluang kepada mereka untuk menggunakan Data Terbuka dengan lebih inovatif."

Pihak Cloudera dan TechData akan membantu AOPG mengadakan bengkel berhubung penyelesaian masalah *traffic gridlock* menggunakan Data Terbuka. Manakala NetApp akan membantu AOPG dalam bengkel yang yang berfokuskan kepada bandar pintar. Pihak AOPG berharap bengkel yang diadakan tersebut dapat

membantu peserta BOW menghasilkan projek yang dapat direalisasikan untuk kemudahan rakyat dan negara.

Kami mengalu-alukan pembabitan semua golongan masyarakat untuk menyertai pertandingan BOW ini. Pendaftaran untuk menyertai pertandingan ini boleh dibuat melalui portal Big Community di pautan <http://bigcommunity.net/events/big-open-wrangle/>.

## **-TAMAT-**

Untuk maklumat lanjut sila hubungi :

- i. Bahagian Perancangan dan Komunikasi Korporat  
Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU),  
Jabatan Perdana Menteri  
Tel : 03-88723138  
Fax : 03-88883566

### **MAMPU**

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) merupakan sebuah agensi pusat yang memainkan peranan penting dalam memacu dan mentransformasi sistem penyampaian perkhidmatan awam. MAMPU telah bertindak sebagai penggerak dan agen perubahan pentadbiran dan pengurusan bagi perkhidmatan awam dengan memperkenalkan dan mempromosikan program-program pembaharuan bagi jentera pentadbiran serta menilai dan mengiktiraf tahap prestasi agensi kerajaan dalam pengurusan dan penyampaian perkhidmatan awam yang cekap, berkesan dan responsif.

### **Asia Online Publishing Group Sdn. Bhd.**

AOPG adalah syarikat penerbitan dan pengeluar kandungan ICT utama di Asia Tenggara. AOPG memberi tumpuan kepada penerbitan ICT secara dalam talian berfokuskan kepada aspek teknikal dalam menyediakan berita, panduan dan kandungan bermaklumat yang mendalam dan meluas. Pendekatan unik ini memberikan maklumat yang fokus, terperinci dan terkini dalam bidang teknologi utama kepada pelanggan dan pembaca. AOPG juga menyediakan platform yang memberi peluang kepada pembekal teknologi mendapatkan perkhidmatan para profesional ICT yang berminat menyumbang kepada projek mereka. AOPG bersifat tersendiri dalam menyampaikan berita dan kandungan bermaklumat yang mudah ditafsirkan serta difahami bukan sahaja oleh pakar ICT malah para eksekutif dari pelbagai bidang perniagaan.